

2

*Kerajaan berusaha tentukan
Bumiputra dapat 30 peratus*

RM3 galakkan pelaburan asing \$26,000 juta – Dr. M

RANCANGAN Malaysia
Ketiga akan menggalakkan pelaburan sektor swasta sebanyak \$26,000 juta, demikian menurut Timbalan Perdana Menteri, Doktor Mahathir Mohamad.

Kerajaan sedang berusaha untuk menentukan Bumiputra mendapat 30 peratus daripada pelaburan tersebut.

Berucap di majlis makan malam sempena meraikan lawatannya ke Johor dua hari di sini malam tadi, beliau menggesa semua pihak supaya merebut peluang yang disediakan oleh kerajaan itu.

Beliau yakin dari pelaburan itu nanti akan dapat memberi banyak peluang pekerjaan di samping menyeimbangkan kedudukan kaum di negara ini.

Menurut Doktor Mahathir, kaum Bumiputra dikehendaki melabur \$7,000 juta dan kerajaan percaya matlamat itu boleh tercapai sekiranya ada kesedaran.

"Kalau kita tidak dapat \$7,000 juta, setidak-tidaknya kita dapat \$1,000 juta. Tetapi kaum Bumi-

JOHOR BHARU 29 JUN

putra haruslah membelanjakan wang mereka dengan cermat dan tidak membazir dengan sia-sia."

Beliau menyedari bahawa tidak ada susunan yang rapi di segi kumpulan wang Bumiputra. Untuk mengatasi masalah ini kerajaan sedang berusaha membuat penyusunan semula.

Peruntukan

Beliau lalu mengingatkan, kalau Bumiputra tidak mengambil saham-saham yang diperuntukkan bagi mereka, ini akan mengganggu usaha kaum-kaum lain.

Kepada Bumiputra beliau menyeru menyambut seruan kerajaan, dan kepada bukan Bumiputra diharap bersabar sedikit sehingga kerajaan dapat menolong Bumiputra mengumpulkan wang mereka.

Terdahulu dari itu Doktor Mahathir menafikan bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan adalah

untuk munafaat satu-satu kaum sahaja.

Beliau telah membuat contoh seperti projek perairan Muda di Kedah. Katanya, memanglah projek \$340 itu sekali lalu seolah-olah menolong petani-petani yang terdiri orang Melayu sahaja, tetapi sebenarnya ia telah menolong kaum lain juga.

"Di segi kontrak sahaja kita sudah dapat membuktikannya. Kemudian kita haruslah faham di masa kekurangan beras dulu projek itu telah dapat menolong semua orang di mana beras kita masih seperti biasa harganya sedangkan di Singapura \$6.00 segantang," katanya.

Lebih jauh Doktor Mahathir berkata bahawa setelah petani-petani mendapat hasil yang lebih dari projek tersebut, mereka telah membelanjakan wang mereka, dan wang ini pergi kepada kaum lain.

Tegas beliau: "Adalah mustahil tiap-tiap satu ringgit yang kita belanjakan untuk satu kaum tidak akan mendatangkan hasil kepada kaum lain."

Timbalan Perdana Menteri menasihatkan supaya semua orang jangan irihati dengan perbelanjaan kerajaan sebanyak \$18.6 billion bagi Rancangan Malaysia Ketiga.

"Kalau kita ada perpaduan, kita akan lebih berjaya dari dulu, katanya.

Menyentuh mengenai komunis, beliau menekankan bahawa kita belum lagi teruk menjadi sasarannya. Jadi kita haruslah sedar sebelum terlambat.

"Berikanlah sokongan yang bulat kepada kerajaan, sokongan yang dikehendaki bukanlah hendak memikul senjata, tetapi kesedaran pun sudah cukup.

"Kita patutlah sedar dan mengorbankan sedikit tuntutan kita. Apabila kita telah selesai menghapuskan komunis di mana pertahanan kita memerlukan perbelanjaan yang besar, kita akan dapat membangunkan negara tanpa sebarang halangan," katanya.